

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [ JERAI ]**

**SOALAN NO. 384**

**TUAN SABRI BIN AZIT [ JERAI ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian bersedia menambah kawasan letak kenderaan di Hospital Daerah Yan kerana pada waktu puncak, kenderaan terlalu padat dan sesak.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyedari bahawa wujud isu berhubung kekurangan petak tempat letak kereta (TLK) di kebanyakan fasiliti kesihatan Kerajaan milik KKM, termasuk di Hospital Yan. KKM telah memulakan perancangan untuk melaksanakan projek pembinaan TLK Bertingkat secara Kerjasama Awam Swasta (*Public Private Partnership* – PPP) melalui kaedah *Build-Operate-Transfer* (BOT), di mana Kerajaan akan memberikan peluang kepada pihak luar untuk menambah bilangan petak TLK bagi menjamin keselesaan pengunjung ke hospital dan seterusnya mengoperasikan ruang TLK sedia ada di Hospital-hospital yang terlibat.

Bagi Hospital Yan, sekiranya persetujuan diperolehi untuk memajukan pelaksanaan Projek secara BOT ke hospital tersebut, pihak pengurusan hospital perlu mengenal pasti tapak yang bersesuaian bagi membina sebuah kompleks TLK Bertingkat di fasiliti terbabit. Di samping itu, kesediaan pengunjung untuk membayar caj yang berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan tersebut juga perlu diambil kira oleh pihak pengurusan hospital.

Sebagai langkah penyelesaian segera, KKM sedang memperincikan cadangan untuk membina sebanyak 80 lot TLK bersebelahan unit Hemodialisis Hospital Yan.

Sekian, terima kasih.